

1049

## SUMBANGAN ULAMA MAZHAB HANAFI DALAM PEMBUKUAN 'ULUM AL-HADITH'

Mohd. Khafidz Soroni

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

[mohdkhafidz@kuis.edu.my](mailto:mohdkhafidz@kuis.edu.my)

### ABSTRAK

*Disiplin 'ulum al-hadith merupakan komponen terpenting di dalam bidang pengajian hadis. Bagaimanapun berdasarkan rekod sejarah, pembukuan disiplin 'ulum al-hadith secara lengkap tidak berlaku di dalam zaman keemasan ilmu Islam, iaitu di dalam abad ketiga Hijrah. Sewaktu disiplin-disiplin pengajian Islam lain seperti fiqh, hadis, sejarah dan sebagainya telah pun merentasi fasa penulisan dan pembukuan. Fasa tersebut turut menyaksikan para ulama yang terlibat dalam proses pembukuan ini terdiri daripada pelbagai latar pendidikan dan mazhab fiqh. Sehingga didapati setiap mazhab fiqh mempunyai tokoh-tokohnya yang telah memberi sumbangan besar terhadap pembukuan pelbagai disiplin ilmu pengajian Islam. Demikian juga halnya dalam perkembangan disiplin 'ulum al-hadith, yang mula dilihat pembukuan lengkapnya secara rintis di dalam abad keempat Hijrah. Bagi melihat perkembangan disiplin 'ulum al-hadith ini secara terasing daripada sumbangan dan pengaruh mazhab fiqh mungkin tidak dapat memberi gambaran yang sebenar dan tepat mengenai metodologi penulisan para pengarangnya. Justeru berdasarkan lontaran ini, kajian akan cuba mengupas bagi melihat sejauhmana pengaruh mazhab fiqh dan sumbangan ulamanya di dalam penulisan dan pembukuan disiplin 'ulum al-hadith. Walau bagaimanapun di dalam artikel ini, tidak kesemua mazhab fiqh dibincangkan. Antara empat mazhab fiqh yang muktabar, kajian hanya memberi tumpuan kepada mazhab Hanafi sahaja sebagai sampel kajian, memandangkan ia merupakan antara mazhab fiqh yang terawal dan mempunyai pengaruh yang cukup besar di dalam dunia keilmuan Islam. Kajian akan meninjau secara khusus terhadap sumbangan ulama mazhab Hanafi dalam pembukuan disiplin 'ulum al-hadith.*

### 1. PENGENALAN

Dalam sejarah pengajian Islam, mazhab-mazhab fiqh merupakan antara yang memainkan peranan penting dalam bidang penulisan dan pembukuan ilmu, khususnya di dalam kurun ke-3 Hijrah dan kurun-kurun seterusnya. Setiap mazhab fiqh dilihat mempunyai tokoh-tokoh ulamanya yang telah memberi sumbangan besar dalam pembukuan pelbagai disiplin ilmu pengajian Islam. Dalam tulisan ini akan memberi fokus kepada salah satu mazhab fiqh berkenaan, iaitu Mazhab Hanafi dengan tumpuan kepada salah satu bidang ilmu tersebut, iaitu disiplin 'ulum al-hadith. Tulisan ini akan cuba mengupas mengenai sumbangan ulama mazhab Hanafi di dalam penulisan dan pembukuan disiplin 'ulum al-hadith.

#### Definisi Ulama Hanafi

Ulama Hanafi atau disebut *al-Hanafiyah* atau *al-Ahnaf* ialah alim ulama yang mengikut dan memegang usul atau prinsip fiqh Imam Abu Hanifah al-Nu'man bin Thabit (w. 150 H). Beliau terkenal dengan panggilan Imam Abu Hanifah sehingga mazhabnya masyhur disebut sebagai Mazhab Hanafi, nisbah kepada nama panggilan tersebut.

#### Usul Mazhab Hanafi

Antara yang dapat menggambarkan secara jelas usul mazhab Imam Abu Hanifah ialah kata-kata beliau sendiri sepertimana berikut:

“Aku berpegang dengan Kitab Allah. Jika aku tidak temui, maka dengan sunnah Rasulullah SAW. Jika aku tidak temui di dalam Kitab Allah mahu pun sunnah Rasulullah SAW, aku berpegang dengan kata-kata sahabat. Aku mengambil perkataan siapa yang aku kehendaki daripada mereka dan aku tinggalkan siapa yang aku kehendaki daripada mereka. Aku tidak akan keluar daripada kata-kata mereka kepada kata-kata orang yang selain mereka. Ada pun jika hal tersebut berakhir kepada Ibrahim, al-Sya‘bi, Ibn Sirin, al-Hasan, ‘Ata’, Sa‘id bin al-Musayyib dan lain-lain.. Maka, mereka adalah kaum yang telah berijtihad, maka aku akan berijtihad sebagaimana mereka itu berijtihad”. (al-Khatib al-Baghdadi 13/ 368)

Secara ringkas, usul Mazhab Hanafi dapat dirumuskan sepertimana berikut (‘Ali Jum‘ah 2004: 92):

- i. Al-Quran al-Karim.
- ii. Al-Sunnah al-Nabawiyah.
- iii. Al-Ijma‘
- iv. Qawl al-Sahabah
- v. Al-Qiyas
- vi. al-Istihsan
- vii. Al-‘Urf

### **Kitab-kitab Muktamad Mazhab Hanafi**

Penulisan fiqh mazhab Hanafi boleh dibahagikan kepada tiga martabat: (‘Ali Jum‘ah 2004: 124)

#### **1. Kitab-kitab Masa’il al-Usul:**

Ia dipanggil *Zahir al-Riwayah* dan *Zahir al-Madhab* yang merangkumi enam kitab susunan Imam Muhammad bin al-Hasan (w. 189 H), iaitu *al-Jami‘ al-Kabir*, *al-Jami‘ al-Saghir*, *al-Siyar al-Kabir*, *al-Siyar al-Saghir*, *al-Ziyadat* dan *al-Mabsut*. Imam Muhammad merekodkan di dalamnya masalah-masalah yang diriwayatkan daripada Imam Abu Hanifah (w. 150 H), atau daripada al-Qadi Abu Yusuf (w. 182 H) daripada Imam Abu Hanifah. Kitab-kitab ini bertaraf sama ada mutawatir atau masyhur yang diriwayatkan oleh jumlah perawi fiqh mazhab yang ramai.

Kata-kata Imam Muhammad di dalam keenam-enam kitab ini kemudian diringkaskan oleh al-Hakim al-Syahid al-Marwazi di dalam kitabnya *al-Kafi*. Kitab ini kemudiannya disyarahkan oleh ramai ulama Hanafi, antara yang paling masyhur ialah syarah Syams al-A’immah al-Sarakhsi (w. 490 H) dalam 15 jilid yang diberi nama *al-Mabsut*. Kitab-kitab ini merupakan kitab-kitab muktamad dalam mazhab Hanafi. (‘Ali Jum‘ah 2004: 124-125)

#### **2. Kitab-kitab Masa’il al-Nawadir:**

Iaitu kitab-kitab yang diriwayatkan melalui jalan ahad, yang tidak sampai kepada taraf mutawatir atau masyhur, malah ada yang sahih dan ada yang daif. Antara kitab-kitab ini ialah kitab-kitab Imam Muhammad seperti *al-Raqiqiyat*, *al-Kaysaniyyat*, *al-Jurjaniyyat* dan *al-Haruniyyat*. Antara lain, kitab *al-Muntaqa* oleh al-Hakim al-Syahid al-Marwazi,

kitab *al-Amali wa al-Jawami‘* oleh al-Qadi Abu Yusuf, kitab *al-Mujarrad* oleh al-Hasan bin Ziyad dan lain-lain. (‘Ali Jum‘ah 2004: 125)

### 3. Kitab-kitab al-Fatawa:

Ia dinamakan al-Waqi‘at, iaitu kitab-kitab yang mengandungi masalah-masalah yang dikeluarkan oleh ulama mazhab yang terkemudian. Antaranya adalah kitab *al-Nawazil* oleh Abu al-Laith al-Samarqandi yang menghimpunkan fatwa guru-gurunya dan juga fatwa guru-guru kepada guru-gurunya iaitu sahabat-sahabat al-Qadi Abu Yusuf dan Imam Muhammad seperti ‘Isam bin Yusuf, Ibn Rustam, Muhammad bin Sama‘ah, Abu Sulayman al-Jurjani, Abu Hafs al-Bukhari dan lain-lain. Antara lain, kitab *Majmu‘ al-Nawazil wa al-Hawadith wa al-Waqi‘at* oleh Ahmad bin Musa al-Kasyi, kitab *al-Waqi‘at* oleh Ahmad bin Muhammad al-Razi al-Natifi, kitab *al-Waqi‘at* oleh al-Sadr al-Syahid dan banyak lagi. (‘Ali Jum‘ah 2004: 126-127)

Penulisan dalam fiqh Hanafi tidak terhenti setakat itu sahaja, malah berterusan sehingga ke hari ini. Selain kitab-kitab utama di atas, antara kitab-kitab mazhab Hanafi yang sering dijadikan rujukan pada masa kini bagi mengetahui pandangan mazhab tersebut ialah *Tuhfah al-Fuqaha* oleh Abu Bakr al-Samarqandi (w. 540 H), *Bada‘i‘ al-Sana‘i‘* oleh ‘Ala’ al-Din Abu Bakr al-Kasani (w. 587 H), *al-Hidayah* oleh ‘Ali bin Abi Bakr al-Mirghinani (w. 593 H), *al-Ikhtiyar li Ta‘lil al-Mukhtar* oleh ‘Abdullah bin Mahmud al-Mawsili (w. 683 H), *al-Bahr al-Ra‘iq* oleh ‘Abdullah bin Ahmad al-Nasafi (w. 710 H), *Tabyin al-Haqa‘iq* oleh ‘Uthman bin ‘Ali al-Zaylai (w. 743 H), *Fath al-Qadir fi Syarh al-Hidayah* oleh Kamal al-Din Muhammad bin ‘Abd al-Wahid Ibn al-Humam (w. 861 H), *Radd al-Muhtar ‘ala al-Durr al-Mukhtar* oleh Muhammad Amin Ibn ‘Abidin (w. 1252 H) dan banyak lagi.

## 2. SUMBANGAN ULAMA HANAFI DALAM PEMBUKUAN ‘ULUM AL-HADITH

Dalam membincangkan tentang sumbangan ulama mazhab Hanafi dalam pembukuan ‘ulum al-hadith, pengkaji akan menyusun huraiannya menurut kronologi kewafatan pengarang seperti berikut:

1. Imam ‘Isa bin Aban bin Sadaqah (w. 221 H). Beliau telah menyusun kitab *al-Hujaj al-Saghir*. Ia dianggap kitab terawal yang membincangkan secara khusus *usul al-hadith*. Bagaimanapun, ia tidak sampai kepada kita secara lengkap pada hari ini. Kandungan kitab ini banyak dinukilkkan oleh Imam Abu Bakr al-Jassas (w. 370 H) ke dalam kitab beliau yang berjudul: *al-Fusul fi al-Usul* dalam bab *al-sunnah*. Ada kemungkinan juga Imam Abu Bakr al-Jassas tidak meninggalkan sedikit pun apa yang telah ditulis oleh Imam ‘Isa bin Aban. Melaluinya, dapat diketahui bahawa beliau membicarakan di dalam kitabnya tentang hadis *al-mutawatir*, *al-masyhur*, *al-ahad*, *al-ilal*, *al-ruwah*, *al-masturun*, *al-majhulun*, *al-mursal* dan sebagainya. Beliau turut membawakan di dalamnya hujah-hujah Imam Abu Hanifah serta mazhab beliau.<sup>1</sup>

<sup>1</sup> ‘Abd al-Majid al-Turkamani. 2009. *Dirasat fi Usul al-Hadith ‘ala Manhaj al-Hanafiyah*. Karachi, Pakistan: Madrasah al-Nu‘man, h. 30-32.

2. Imam Yahya bin Ma‘in (w. 233H). Beliau merupakan imam *al-jarh wa al-ta‘dil* kerana kepakarannya tentang perawi-perawi hadis (*al-Zirikli* 8/172). Al-Hafiz al-Dhahabi menyebutnya sebagai bermazhab Hanafi (*al-Dhahabi* 11/ 88). Beliau telah menyusun berkaitan kedudukan perawi-perawi hadis kitab *al-Tarikh wa al-‘Ilal*, kitab *Ma‘rifah al-Rijal* dan kitab *al-Kuna wa al-Asma’*.
3. Imam Abu Ja‘far Ahmad ibn Muhammad ibn Salamah ibn ‘Abd al-Malik al-Azdi al-Tahawi al-Hanafi (w. 321 H).<sup>2</sup> Beliau telah menyusun sebuah risalah berjudul: *al-Taswiyah bayn Haddathana wa Akhbarana wa Dhikr al-Hujjah fihi*. Risalah ini hanya membincangkan tentang kalimah *haddathana* (memberitakan kepada kami) dan *akhbarana* (mengkhabarkan kepada kami) yang digunakan oleh ulama hadith di dalam merekodkan sanad-sanad hadith. Jelas daripada judulnya bahawa Imam Abu Ja‘far al-Tahawi berpendapat bahawa kedua-dua kalimah tersebut adalah sama dari segi penggunaan dan objektifnya, yang menunjukkan seorang ahli hadith mendengar secara langsung daripada gurunya akan riwayat yang diriwayatkannya. Risalah ini telah dicetak oleh Syeikh ‘Abd al-Fattah Abu Ghuddah dalam satu himpunan di bawah judul; *Khams Rasa‘il fi ‘Ilm Mustalah al-Hadith*.<sup>3</sup>
4. al-Hafiz ‘Ala’ al-Din ‘Ali bin ‘Uthman al-Maridini al-Hanafi, yang terkenal dengan panggilan Ibn al-Turkamani (w. 750 H). Beliau telah membuat *mukhtasar* (ringkasan) terhadap kitab *‘Ulum al-Hadith* atau *Muqaddimah Ibn al-Salah* (w. 643 H). Ini dinyatakan dalam kitab *Kasyf al-Zunun* (Haji Khalifah, 2/1162). Beliau memberinya judul: *al-Muntakhab fi ‘Ulum al-Hadith*. (Haji Khalifah, 2/ 1849)
5. al-Hafiz ‘Ala’ al-Din Mughlatay bin Qilij al-Hanafi (w. 762 H). Beliau telah menyusun kitab *Islah Kitab Ibn al-Salah*. Di dalam kitab ini, beliau membuat huraian, ulasan, penambahan dan juga kritikan terhadap kesilapan atau kekurangan yang terdapat di dalam kitab *Muqaddimah Ibn al-Salah* menurut pandangannya. Kitab ini telah ditahkik oleh Muhyi al-Din bin Jamal al-Bakari dan diterbitkan pertama kali oleh al-Maktabah al-Islamiyyah, Kaherah pada tahun 2007.
6. al-‘Allamah al-Sayyid al-Syarif ‘Ali bin Muhammad bin ‘Ali al-Husayni al-Jurjani al-Hanafi (w. 816 H). Beliau telah menyusun kitab *Mukhtasar fi ‘Ulum al-Hadith*. Kitab ini merupakan ringkasan daripada kitab *al-Khulasah fi Usul al-Hadith* dan mukadimah kitab *al-Kasyif ‘an Haqa‘iq al-Sunan* yang kedua-duanya oleh Imam al-Tibi (w. 743 H). Imam al-Tibi pula meringkaskannya daripada kitab *al-Taqrif* oleh Imam al-Nawawi (w. 676 H)

<sup>2</sup> Beliau lahir pada tahun 229 H di Taha, Mesir dan meninggal dunia pada tahun 321 H di Kaherah. Beliau asalnya bermazhab Syafii, namun kemudiannya beliau bertukar kepada mazhab Hanafi, bahkan menjadi pakar rujuk utama dalam mazhab tersebut di Mesir. Antara guru-gurunya ialah Imam al-Muzani, Abu Ja‘far ibn Abi ‘Imran al-Hanafi dan lain-lain lagi. Di antara karya-karyanya ialah *Ahkam al-Qur‘an*, *al-Ikhtilaf bayn al-Fuqaha*, *Syarh Ma‘ani al-Athar*, *al-Syurut*, *Musykil al-Athar*, *Manaqib Abi Hanifah* dan lain-lain lagi. Lihat : Syams al-Din Ahmad ibn Muhammad ibn Abi Bakr ibn Khallikan (1997), *Wafiyat al-A‘yan wa Anba‘ Abna‘ al-Zaman*, Beirut : Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi, j. 1, h. 44. Khayr al-Din al-Zirikli (1998), *al-A‘lam*, Beirut: Dar al-‘Ilm li al-Malayin, c. 13, j. 1, h. 206.

<sup>3</sup> ‘Abd al-Fattah Abu Ghuddah (2002), *Khams Rasa‘il fi ‘Ilm Mustalah al-Hadith*, Beirut: Dar al-Basya‘ir al-Islamiyyah.

dan kitab *al-Manhal al-Rawi fi Mukhtasar ‘Ulum al-Hadith al-Nabawi* oleh Imam Badr al-Din ibn Jama‘ah (w. 733 H), yang mana kedua-duanya merupakan ringkasan daripada kitab *al-Muqaddimah* oleh Imam Ibn al-Salah (w. 643 H).<sup>4</sup>

7. al-‘Allamah Abu al-Fayd Muhammad bin Muhammad bin ‘Ali al-Farisi al-Harawi (w. 837 H). Beliau telah menyusun kitab *Jawahir al-Usul fi ‘Ilm Hadith al-Rasul SAW*. Ia disebut oleh ‘Abd al-Majid al-Turkamani (2009) sebagai kitab *usul al-hadith* susunan ulama Hanafi.<sup>5</sup> Kitab ini merupakan ringkasan daripada kitab *al-Muqaddimah* oleh Ibn al-Salah dan kitab *al-Taqrīb* oleh al-Nawawi. Antara cetakan kitab; cetakan al-Dar al-Salafiyyah, India pada tahun 1974 dengan tahkik Abu al-Ma‘ali al-Qadi Athar al-Mubarakpuri dan cetakan Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Beirut pada tahun 1992 dengan tahkik Salah ‘Uwaydah.

8. al-Hafiz Zayn al-Din Abu al-‘Adl Qasim ibn Qutlubugha al-Hanafi al-Jamali (w. 879 H).<sup>6</sup> Beliau telah menyusun kitab *al-Qawl al-Mubtakar ‘ala Syarh Nukhbah al-Fikar*. Kitab ini adalah syarah ke atas kitab *Nuzhah al-Nazar Syarh Nukhbah al-Fikar* karya al-Hafiz Ibn Hajar al-‘Asqalani, salah sebuah kitab penting di dalam ilmu *mustalah al-hadith*. Ibn Qutlubugha juga turut menyusun *Syarh Manzumah Ibn Farh*, iaitu syarah bagi nazam *Gharami Sahih*, sebuah nazam berkaitan ilmu *mustalah al-hadith* yang digubah oleh Abu al-‘Abbas Ahmad ibn Farh al-Isybili (w. 699 H). Di dalam kitab *al-Daw’ al-Lami’*, al-Hafiz al-Sakhawi menyebut bahawa beliau ada menyusun *Hasyiah ‘ala Syarh Alfiyah al-‘Iraqi*.<sup>7</sup>

9. al-‘Allamah Taqiy al-Din Ahmad bin Muhammad bin Muhammad bin Hasan al-Syumunni al-Iskandari al-Hanafi (w. 872 H).<sup>8</sup> Beliau telah menyusun kitab *al-‘Ali al-Rutbah fi Syarh Nazm al-Nukhbah*. Kitab ini merupakan syarah kepada nazam *Nukhbah al-Fikar* yang telah digubah oleh bapanya, al-‘Allamah Syeikh Kamal al-Din al-Syumunni al-Maliki (w. 821 H). Kitab ini telah ditahkik oleh Harun bin ‘Abd al-Rahman al-Jaza’iri dan diterbitkan oleh Dar Ibn Hazm, Beirut pada tahun 2003.

<sup>4</sup> ‘Abd al-Hayy al-Laknawi. 1995. *Zafar al-Amani fi Syarh Mukhtasar al-Sayyid al-Syarif al-Jurjani*. Tahkik: ‘Abd al-Fattah Abu Ghuddah. Halab : Maktab al-Matbu‘at al-Islamiyyah, c. 3, h. 5-6.

<sup>5</sup> ‘Abd al-Majid al-Turkamani. 2009. *Dirasat fi Usul al-Hadith ‘ala Manhaj al-Hanafiyyah*. Karachi, Pakistan: Madrasah al-Nu‘man, h. 85.

<sup>6</sup> Beliau dilahirkan pada tahun 802 H dan meninggal dunia pada tahun 879 H di Kaherah, Mesir. Beliau terkenal dengan memiliki ingatan yang kuat dan akal yang cerdik. Beliau telah menimba ilmu daripada ramai ulama-ulama besar di zamannya. Di antaranya, Syeikh al-Kamal ibn al-Humam, beliau telah mendampingi gurunya itu kira-kira 40 tahun lamanya, dan beliau sangat banyak mengambil manfaat daripadanya. Beliau turut mengarang lebih daripada 80 buah kitab di dalam pelbagai bidang ilmu seperti hadith, mustalah al-hadith, tafsir, qira’at, tauhid, usul, fiqh, fara’id, bahasa Arab, tarikh, sastera, mantik dan sebagainya. Antaranya *Taj al-Tarajim*, sejarah ulama-ulama mazhab Hanafi, *Gharib al-Qur’ān*, *Taqwim al-Lisan*, *Tarajim Masyayikh al-Masyayikh*, *Mujam al-Suyukh* dan sebagainya. Lihat: Khayr al-Din al-Zirikli (1998), *al-A‘lam*, Beirut: Dar al-‘Ilm li al-Malayin, c. 13, j. 5, h. 180.

<sup>7</sup> al-Hafiz al-Sakhawi, t.t., *al-Daw’ al-Lami’ li Ahl al-Qarn al-Tasi’*, Beirut: Dar al-Jil. 6/186.

<sup>8</sup> Beliau dilahirkan pada tahun 801 H di Iskandariyyah dan meninggal dunia pada tahun 872 H di Kaherah. Seorang muhaddith, mufassir dan nahwi. Antara karyanya: *Syarh al-Mughni* oleh Ibn Hisyam, *Muzil al-Khafa ‘an Alfaz al-Syifa*, *Kamal al-Dirayah fi Syarh al-Niqayah* dalam fiqh Hanafi dan lain-lain. (al-Zirikli, 1/ 230)

10. al-'Allamah Radiy al-Din Muhammad ibn Ibrahim ibn Yusuf al-Halabi al-Qadiri al-Hanafi (w. 971 H) yang terkenal dengan panggilan Ibn al-Hanbali.<sup>9</sup> Beliau awalnya menyusun kitab *Manh al-Nughbah 'ala Syarh al-Nukhbah*. Kemudian beliau menyusun pula kitab *Qafw al-Athar fi Safw 'Ulum al-Athar* yang lebih bersesuaian untuk mazhab Hanafi. Kitab ini dianggap penting kerana ia merupakan ringkasan terhadap beberapa kitab-kitab ilmu *Mustalah al-Hadith* yang pernah ditulis sebelumnya. Ibn al-Hanbali telah memuatkan di dalam kitab ini ringkasan daripada kitab *Nukhbah al-Fikar* karya al-Hafiz Ibn Hajar, syarahnya *Nuzhah al-Nazar* oleh Ibn Hajar juga serta kitab-kitab *hasyiah* ke atas *Nukhbah al-Fikar* yang ditulis oleh ulama-ulama lain. Beliau mempersempahkan isi kitab ini dengan begitu baik di dalam bentuk yang ringkas dan padat, di samping menyebut perselisihan pendapat ulama di dalam masalah-masalah *khilafiyah* dalam ilmu *Mustalah al-Hadith*.<sup>10</sup> Kitab ini telah ditakhik dan dicetak oleh Syeikh 'Abd al-Fattah Abu Ghuddah di Beirut pada tahun 1987 (1408 H), bersama-sama kitab *Bulghah al-Arib fi Mustalah Athar al-Habib*.

Ibn al-Hanbali kemudian telah mensyarakhan kitab ini di dalam kitab lain dengan judul: *al-Far' al-Athith fi Usul al-Hadith*. Kitab ini telah ditakhik oleh Badr bin Jaza' bin Nasir al-Dawsari pada tahun 2011 sebagai tesis peringkat master di Jabatan al-Kitab dan al-Sunnah, Fakulti Dakwah dan Usuluddin, Universiti Umm al-Qura, Arab Saudi.

11. al-'Allamah Syeikh Muhammad bin Bir 'Ali bin Iskandar al-Barkawi al-Rumi al-Hanafi (w. 981 H).<sup>11</sup> Beliau telah menyusun *Risalah fi Usul al-Hadith*. Ia sebuah risalah yang ringkas, tetapi padat isi kandungannya. Pengarang hanya menyebut ia diambil daripada kitab-kitab muktabar tanpa menyebut sebarang nama kitab.

12. al-'Allamah al-Muhaddith Wajih al-Din Ahmad bin Nasr Allah bin 'Imad al-Din al-'Alawi al-Gujerati (w. 998 H). Beliau telah menyusun kitab *Syarh Syarh Nukhbah al-Fikar*. Kitab ini bukan syarah kepada kitab *Nukhbah al-Fikar*, tetapi merupakan syarah

<sup>9</sup> Beliau dilahirkan pada tahun 908 H di Halab, Syria dan telah meninggal dunia pada tahun 971 H juga di Halab. Beliau telah menghasilkan lebih daripada 50 buah kitab. Antaranya selain kitab *Qafw al-Athar fi Safw 'Ilm al-Athar* ialah seperti *al-Zubad wa al-Durab fi Tarikh Halab*, *Dar al-Hubab fi Tarikh A yan Halab*, *al-Masabih* (tentang ilmu hisab), *al-Durar al-Sati'ah* (tentang ilmu perubatan), *al-Hada'iq al-Unsiyyah* (tentang ilmu 'arud), *Rawdah al-Arwah* (tentang ilmu far'a'id), *al-Fawa'id al-Sariyyah fi Syarh al-Jazariyyah* (tentang ilmu tajwid), *Tarwiyah al-Zami fi Tabri'ah al-Jami*, *Bahr al-'Awwam fi ma Asab fih al-'Awwam* dan lain-lain lagi. Lihat: Khayr al-Din al-Zirikli (1998), *al-A'lam*, Beirut : Dar al-'Ilm li al-Malayin, c. 13, j. 5, h. 302-303. Lihat : Radiy al-Din ibn al-Hanbali (1988), *Qafw al-Athar fi Safw 'Ilm al-Athar*, Beirut : Dar al-Basya'ir al-Islamiyyah, h. 8-16.

<sup>10</sup> Radiy al-Din ibn al-Hanbali (1988), *Qafw al-Athar fi Safw 'Ilm al-Athar*, Beirut : Dar al-Basya'ir al-Islamiyyah, h. 5. Pengarang lebih cenderung kepada mazhab Hanafi dalam membahas masalah-masalah yang diperselisikan, sehingga ada yang menganggap bahawa kitab ini adalah kitab *Mustalah al-Hadith* bagi mazhab Hanafi.

<sup>11</sup> Beliau juga masyhur dengan panggilan Birkili (929 - 981H). Seorang ahli sufi, faqih, mufassir dan muhaddith. Beliau telah menghasilkan banyak kitab seperti *al-Tariqah al-Muhammadiyyah fi al-Maw'izah*, *Syarh Lubb al-Albab*, *Daf'i ah al-Mubtadi'in*, *Inqaz al-Halikin*, *al-Arba'un fi al-Hadith* dan lain-lain. (Kahhalah, 9/123-124). Kitabnya *al-Tariqah al-Muhammadiyyah* amat terkenal dan telah diulas oleh ramai ulama.

kepada *Syarah Nukhbah al-Fikar* oleh al-Hafiz Ibn Hajar yang berjudul: *Nuzhah al-Nazar*. Syarah beliau agak ringkas dan tidak berjela.<sup>12</sup>

13. al-‘Allamah Syams al-Din Muhammad al-Hanafi al-Tabrizi, yang masyhur dengan panggilan Munla Hanafi, seorang alim daripada kurun ke-10 H. Beliau telah menyusun kitab *Syarah al-Dibaj al-Mudhahhab fi Mustalah al-Hadith*. Kitab ini diselesaikan di Bukhara pada tahun 935 H. Ia merupakan syarah kepada kitab *Mukhtasar fi ‘Ulum al-Hadith* oleh al-Sayyid al-Syarif ‘Ali bin Muhammad al-Jurjani (w. 816 H) yang juga dikenali dengan judul: *al-Dibaj al-Mudhahhab*. Kitab ini telah dicetak oleh Matba‘ah Mustafa al-Babi al-Halabi, Mesir pada tahun 1350 H.

14. Imam Nur al-Din Abu al-Hasan ‘Ali ibn Sultan Muhammad al-Qari al-Harawi, al-Makki al-Hanafi, yang terkenal dengan panggilan Mulla ‘Ali al-Qari (w. 1014 H).<sup>13</sup> Beliau telah menyusun kitab *Syarah Syarah Nukhbah al-Fikar*. Kitab ini juga merupakan syarah kepada *Syarah Nukhbah al-Fikar* oleh al-Hafiz Ibn Hajar yang berjudul: *Nuzhah al-Nazar*. Kitab ini telah ditakhik oleh Muhammad Nizar Tamim dan Haytham Nizar Tamim dengan diberi kata pengantar oleh Syeikh ‘Abd al-Fattah Abu Ghuddah, serta diterbitkan oleh Syarikah Dar al-Arqam, Beirut tanpa tahun.

15. al-‘Allamah al-Muhaddith Muhammad Akram bin al-Qadi ‘Abd al-Rahman al-Hanafi al-Nasr puri al-Sindi, seorang alim daripada kurun ke-11 H. Beliau telah menyusun kitab *Im‘an al-Nazar fi Tawdih Nukhbah al-Fikar*. Kitab ini juga bukan syarah kepada kitab *Nukhbah al-Fikar*, tetapi merupakan syarah kepada *Syarah Nukhbah al-Fikar* yang berjudul: *Nuzhah al-Nazar*. Kitab ini telah dicetak oleh Qadimi Kutub Khanah, Karachi, Pakistan dengan tahkik Abu Sa‘id Ghulam Mustafa al-Qasimi.<sup>14</sup>

16. al-‘Allamah al-Muhaddith Syeikh ‘Abd al-Haq bin Sayf al-Din ad-Dihlawi (w. 1052 H). Beliau telah menyusun kitab *Muqaddimah fi Usul al-Hadith*. Kitab ini asalnya disusun sebagai mukadimah kepada kitab syarah beliau berjudul: *Lama‘at al-Tanqih fi Syarah Misyakah al-Masabih* di dalam bahasa Arab dan *Asyi‘ah al-Lama‘at fi Syarah al-Misyakah* di dalam bahasa Parsi. Ia kemudian telah menjadi buku teks penting bagi

<sup>12</sup> Waliy al-Din al-Nadwi. 2009. *Juhud ‘Ulama’ al-Hind fi ‘Ulum al-Hadith al-Syarif*. dalam majalah al-Ba‘th al-Islami, Lucknow, India. edisi Mac 2009. h. 31-32.

<sup>13</sup> Beliau dilahirkan di Harrah, Khurasan dan meninggal dunia di Mekah pada tahun 1014 H. Antara guru-gurunya ialah Ibn Hajar al-Haytami (m. 973 H), ‘Ali al-Muttaqi al-Hindi (m. 975 H), ‘Abd Allah al-Sindi (m. 984 H), Qutb al-Din al-Makki (m. 990 H), Muhammad ibn Abi al-Hasan al-Bakri (m. 993 H) dan lain-lainnya. Beliau telah menghasilkan banyak karya dan setakat yang diketahui sehingga kini ialah sebanyak 148 buah kitab. Antaranya ialah *al-Masnu‘ fi Ma‘rifah al-Hadith al-Mawdu‘*, *Mirqah al-Mafatih Syarah Misyakah al-Masabih*, *Jam‘ al-Wasa’il fi Syarah al-Syama‘il*, *Syarah al-Fiqh al-Akbar*, *Fath Bab al-‘Inayah bi Syarah Kitab al-Nuqayah* dan lain-lain lagi. Lihat: Khayr al-Din al-Zirikli (1998), *al-A‘lam*, Beirut: Dar al-‘Ilm li al-Malayin, c. 13, j. 5, h. 12-13. Lihat riwayat hidup beliau dan sumbangannya dalam ilmu hadith secara lengkap dalam kitab *al-Imam ‘Ali al-Qari wa Atharuh fi ‘Ilm al-Hadith* oleh Khalil Ibrahim Qutilay, Beirut : Dar al-Basya‘ir al-Islamiyyah, cetakan pertama tahun 1987.

<sup>14</sup> Waliy al-Din al-Nadwi. 2009. *Juhud ‘Ulama’ al-Hind fi ‘Ulum al-Hadith al-Syarif*. dalam majalah al-Ba‘th al-Islami, Lucknow, India. edisi Mac 2009. h. 36-37.

madrasah-madrasah agama di benua India sebelum pelajar mempelajari kitab *Misykah al-Masabih* dan *Syarah Nukhbah al-Fikar*.<sup>15</sup>

17. al-‘Allamah Abu al-‘Abbas Ahmad bin Muhammad Makki al-Husayni al-Hamawi al-Hanafi (w. 1098 H).<sup>16</sup> Beliau telah menyusun kitab *Talqih al-Fikar bi Syarh Manzumah al-Athar*, iaitu syarah kepada *al-Manzumah al-Bayquniyyah* susunan Syeikh ‘Umar bin Muhammad bin Futuh al-Bayquni (w. 1080 H). Syeikh al-Hamawi bukan sekadar mensyarah, malah beliau telah membuat *tadhyil wa takmil* (penambahan dan penyempurnaan) bagi menghuraikan bahagian-bahagian ilmu hadis yang tidak disebutkan oleh Syeikh al-Bayquni.

18. al-‘Allamah Syeikh Isma‘il Haqqi bin Mustafa al-Barsawi al-Islambuli al-Hanafi (w. 1137 H), pengarang tafsir *Ruh al-Bayan*. Beliau telah menyusun *Syarah Nukhbah al-Fikar*. Manuskrip kitab ini tersimpan di banyak arkib dan perpustakaan di Turki.

19. al-‘Allamah al-Muhaddith Muhammad bin Hasan al-Turkamani al-Hanafi, yang terkenal dengan panggilan Ibn Himmat atau Himmat Zadah al-Dimasyqi (w. 1175H) (al-Zirkli 6/ 91). Beliau telah menyusun empat kitab berkaitan ‘ulum al-hadith iaitu; kitab *Syarah Nukhbah al-Fikar*, *Khulasah al-Nukhbah*, *Natijah al-Nazar fi ‘Ilm al-Athar* dan syarahnya *Qala’id al-Durar ‘ala Natijah al-Nazar*.<sup>17</sup>

20. al-‘Allamah Abu al-Hasan al-Saghir Ghulam Husayn bin Muhammad al-Sadiq al-Sindi al-Madani (w. 1187 H). Beliau telah menyusun kitab *Bahjah al-Nazar Syarh Nukhbah al-Fikar*. Di dalamnya, pengarang banyak merujuk kepada kitab *Im‘an al-Nazar fi Tawdih Nukhbah al-Fikar* oleh al-‘Allamah Muhammad Akram al-Nasr puri al-Sindi, walaupun beliau sering tidak menyatakan secara jelas.<sup>18</sup>

21. al-Hafiz al-Murtada al-Zabidi (w. 1205 H). Nama lengkapnya: Abu al-Fayd Muhammad ibn Muhammad ibn ‘Abd al-Razzaq al-Husayni, yang masyhur dengan gelaran al-Murtada al-Zabidi.<sup>19</sup> Beliau telah menyusun kitab *Bulghah al-*

<sup>15</sup> ‘Abd al-Haq bin Sayf al-Din ad-Dihlawi, 1986. *Muqaddimah fi Usul al-Hadith*. Tahkik: Salman al-Husayni al-Nadwi. Cet. 2. Beirut: Dar al-Basya’ir al-Islamiyyah, h. 6.

<sup>16</sup> Beliau seorang guru di Madrasah Sulaymaniyyah di Kaherah, di samping tugas memberi fatwa bagi mazhab Hanafi. Antara karya beliau: *Ghamz ‘Uyun al-Basa’ir fi Syarh al-Asybah wa al-Naza’ir li Ibn Najm*, *Nafahat al-Qurb wa al-Ittisal*, *al-Durr al-Nafis fi Manaqib al-Syaifi*, *al-Durr al-Farid fi Bayan Hukm al-Taqlid*, *Syarh Manzumah li Ibn al-Syahnah fi al-Tawhid*, *Fada’il Salatin Al ‘Uthman* dan lain-lain. (al-Zirkli, 1/ 239)

<sup>17</sup> Dr. Muhammad Muslih al-Zu‘bi. t.t. *Manhaj Ibn Himmat al-Dimasyqi fi Kitabih Qala’id al-Durar ‘ala Natijah al-Nazar*. Jabatan Usuluddin, Fakulti Pengajian Fiqh dan Qanun, Universiti Al al-Bayt, Jordan. h. 5-6.

<sup>18</sup> ‘Abd al-Majid al-Turkamani. 2009. *Dirasat fi Usul al-Hadith ‘ala Manhaj al-Hanafiyyah*. Karachi, Pakistan: Madrasah al-Nu‘man, h. 86.

<sup>19</sup> Beliau dilahirkan pada tahun 1145 H dan telah meninggal dunia pada tahun 1205 H di Mesir kerana penyakit taun. Keluarganya berasal daripada Wasit, Iraq. Beliau dilahirkan di Baljaram, India, tetapi dibesarkan di Zabid, Yaman. Beliau telah berhijrah ke Hijaz, dan kemudiannya telah tinggal di Mesir. Beliau telah mengarang banyak kitab, antaranya ialah *Syarh Ihya’ ‘Ulum al-Din* yang dinamakan *Ithaf al-Sadah al-Muttaqin bi Syarh Ihya’ ‘Ulum al-Din*, terdiri daripada 10 jilid, *Taj al-‘Arus fi Syarh al-Qamus*, terdiri daripada 10 jilid, *Asanid al-Kutub al-Sittah*, *Uqud al-Jawahir al-Munifah fi Adillah Madhhab al-*

*Arib fi Mustalah Athar al-Habib*. Kitab ini juga merupakan ringkasan dan olahan daripada kitab *Nukhbah al-Fikar* serta syarahnya *Nuzhah al-Nazar* yang kedua-duanya karya al-Hafiz Ibn Hajar.<sup>20</sup> Kitab ini pernah diterbitkan oleh Matba‘ah al-Sa‘adah, Kaherah pada tahun 1326 H. Kemudian ia telah ditahkik dan dicetak oleh Syeikh ‘Abd al-Fattah Abu Ghuddah di Beirut pada tahun 1987 (1408 H) bersama dengan kitab *Qafw al-Athar fi Safw ‘Ilm al-Athar* di atas. Syeikh ‘Abd al-Fattah menganggap kitab ini adalah kitab *mukhtasar* (ringkasan) yang terbaik berbanding kitab-kitab *mukhtasar* yang lain dalam ilmu *Mustalah al-Hadith*.<sup>21</sup>

22. al-‘Allamah ‘Abd al-‘Ali bin Nizam al-Din bin Qutb al-Din al-Ansari al-Sahalawi al-Laknawi, yang terkenal dengan gelaran Bahr al-‘Ulum (w. 1225 H). Beliau telah menyusun *Risalah fi Usul al-Hadith*. Ia agak ringkas di mana pengarang membahagikan perbincangannya kepada lima bahagian. Pertama: al-mutawatir, al-masyhur dan al-khabar al-wahid. Kedua: al-sahih, al-hasan, al-da‘if dan al-mawdu‘. Ketiga: ittisal al-sanad dan ‘adam ittisalihi. Keempat: al-masyhur, al-gharib dan al-‘aziz. Kelima: al-syadh dan al-munkar.<sup>22</sup>

23. al-‘Allamah al-Muhaddith ‘Abd al-‘Aziz bin Waliy Allah bin ‘Abd al-Rahim al-‘Umari al-Dihlawi (w. 1239 H). Beliau telah menyusun dalam bahasa Parsi kitab *‘Ujalah Nafi‘ah*, yang membincangkan ilmu hadis menurut susunan yang tersendiri. Beliau membahagikannya kepada satu mukadimah ringkas, dua fasal dan satu penutup. Fasal pertama membincangkan dua perkara iaitu; memerhatikan hal ehwal para perawi hadis (sanad) dan berhati-hati dalam memahami makna hadis (matan). Fasal kedua tentang sanad-sanad hadis beliau. Manakala penutup membincangkan khusus mengenai hadis *mawdu‘*. Kitab ini telah diterjemahkan ke bahasa Arab oleh ‘Abd al-Mannan ‘Abd al-Latif al-Madani dengan judul yang sama: *al-‘Ujalah al-Nafi‘ah*.

24. al-‘Allamah Syeikh ‘Abd al-‘Aziz bin Ahmad bin Hamid al-Qurasyi al-Farharwi (w. 1239 H). Beliau telah menyusun kitab *Kawthar al-Nabi SAW wa Zulal Hawdihi al-Rawi*. Bunyi judul kitab agak lain daripada yang lain. Namun, menurut ‘Abd al-Majid al-Turkamani (2009), ia merupakan sebuah kitab yang amat bernilai dan mempunyai gaya tersendiri, ditahkik oleh Sajid Ahmad al-Saddawi sebagai tesis di Jabatan Takhassus ‘Ulum al-Hadith al-Syarif, Jami‘ah al-‘Ulum al-Islamiyyah, Binnouri Town, Karachi, Pakistan.<sup>23</sup>

*Imam Abi Hanifah, Kasyf al-Litham ‘an Adab al-Iman wa al-Islam, Mu‘jam al-Suyukh, Alfiyyah al-Sanad*, terdiri daripada 1500 bait, ‘Aqd al-Juman fi Bayan Syu‘ab al-Iman, ‘Aqd al-La‘ali al-Mutanathirah fi al-Ahadith al-Mutawatirah dan sebagainya. Lihat: Khayr al-Din al-Zirikli (1998), *al-A‘lam*, Beirut : Dar al-‘Ilm li al-Malayin, c. 13, j. 7, h. 70. Lihat biografi beliau dengan panjang lebar dalam mukadimah : al-Hafiz Muhammad al-Murtada al-Zabidi (1988), *Bulghah al-Arib fi Mustalah Athar al-Habib*, bersama : *Qafw al-Athar fi Safw ‘Ilm al-Athar*, Beirut : Dar al-Basya‘ir al-Islamiyyah, h. 148-184.

<sup>20</sup> Al-Hafiz Muhammad al-Murtada al-Zabidi (1988), *ibid.*, h. 143.

<sup>21</sup> *Ibid.*, h. 143.

<sup>22</sup> Waliy al-Din al-Nadwi. 2009. *Juhud ‘Ulama’ al-Hind fi ‘Ulum al-Hadith al-Syarif*. dalam majalah al-Ba‘th al-Islami, Lucknow, India. edisi April 2009. h. 54.

<sup>23</sup> ‘Abd al-Majid al-Turkamani. 2009. *Dirasat fi Usul al-Hadith ‘ala Manhaj al-Hanafiyyah*. Karachi, Pakistan: Madrasah al-Nu‘man, h. 86.

25. al-‘Allamah Syeikh Yusuf bin Muhammad bin Yusuf bin Khalil Kassab al-Ghazzi al-Hanafi (w. 1290H). Beliau telah menyusun *Risalah fi ‘Ilm Mustalah al-Hadith, al-Faridah bi ‘Ilm al-Mustalah*, iaitu nazam bagi kitab *Nukhbah al-Fikar*, dan syarahnya *Hasyiah Jami‘ah ‘ala al-Faridah bi ‘Ilm al-Mustalah* (Maktabah al-Rusyd, Riyadh, 2006) atau judul lain: *al-Jumal al-Mufidah fi Syarh al-Faridah* (Dar Ibn al-Jawzi, Damam, 2009).
26. al-‘Allamah Syeikh Yusuf Afandi bin ‘Uthman al-Kharbuti al-Hanafi al-Rumi al-Madani (w. 1292 H) (al-Zirikli 8/235). Beliau telah membuat huraian lanjut ke atas syarah Syeikh Dawud bin Muhammad al-Qarisi al-Hanafi (w. 1169 H) ke atas *Risalah fi Usul al-Hadith* susunan al-‘Allamah Syeikh Muhammad bin Bir ‘Ali al-Barkawi (w. 981 H). Kitab ini telah dicetak di al-Matba‘ah al-‘Amirah, Kaherah pada tahun 1293 H.
27. Imam ‘Abd al-Hayy al-Laknawi (w. 1304 H). Nama lengkapnya Abu al-Hasanat ‘Abd al-Hayy ibn Muhammad ‘Abd al-Halim ibn Muhammad Amin Allah al-Ansari al-Laknawi al-Hindi.<sup>24</sup> Beliau telah menyusun kitab *Zafar al-Amani fi Syarh Mukhtasar al-Sayyid al-Syarif al-Jurjani*. Kitab ini merupakan syarah Imam ‘Abd al-Hayy al-Laknawi terhadap kitab *al-Mukhtasar* di dalam ilmu *Mustalah al-Hadith* karya al-Sayyid al-Syarif ‘Ali ibn Muhammad al-Jurjani. Syarah Imam ‘Abd al-Hayy al-Laknawi ini boleh dianggap antara kitab terpenting dalam ilmu *Mustalah al-Hadith* yang pernah dihasilkan oleh ulama mutaakhirin kerana beliau telah mempersembahkan isi-isi perbahasan kitab ini secara lengkap dan detail. Di dalamnya, beliau menghuraikan permasalahan-permasalahan *mustalah al-hadith* yang rumit dan menjadi perselisihan di kalangan para ulama. Kitab ini pertama kali dicetak selepas kewafatan pengarangnya di al-Matba‘ Jasymah Fayd di Lucknow, India pada tahun 1304H. Kemudian ia dicetak dengan tahkik Dr. Taqiy al-Din al-Nadwi pada tahun 1994 (1414H) oleh Dar al-Qalam, di Dubai, Emiriah Arab Bersatu. Setelah itu, barulah muncul tahkikan Syeikh ‘Abd al-Fattah di Beirut pada tahun 1995 (1416H).

Imam ‘Abd al-Hayy al-Laknawi juga telah menyusun kitab *al-Ajwibah al-Fadilah li al-As’ilah al-‘Asyarah al-Kamilah*. Kitab yang merupakan jawapan Imam ‘Abd al-Hayy al-

---

<sup>24</sup> Nasab beliau sampai kepada Sayidina Abu Ayyub al-Ansari r.a. Beliau lahir pada tahun 1264 H. Beliau bermula menuntut ilmu daripada bapanya sendiri. Beliau telah dianugerah dengan memiliki ingatan yang kuat, dan ketika berusia 10 tahun, beliau telah menghafal seluruh al-Quran. Di antara guru-gurunya yang lain ialah Syeikh Ni’mah Allah ibn Nur Allah al-Laknawi, al-Sayyid Ahmad ibn Zayni Dahlan, Muhammad ibn ‘Abd Allah ibn Humayd al-Hanbali, Syeikh Muhammad ibn Muhammad al-Gharb, Syeikh ‘Abd al-Ghani ibn Abi Sa‘id al-Dihlawi dan lain-lain. Beliau telah menghasilkan banyak karangan yang bermutu dan bernilai di dalam pelbagai bidang ilmu. Di antaranya ialah kitab *al-Raf‘ wa al-Takmil fi al-Jarh wa al-Ta‘dil, al-Ajwibah al-Fadilah li al-As’ilah al-‘Asyarah al-Kamilah, Iqamah al-Hujjah ‘ala Ann al-Ikthar min al-Ta‘abbud Lays bi Bid‘ah, Sibahah al-Fikr fi al-Jahr bi al-Dhikr, Tuhfah al-Akhyar bi Ihya’ Sunnah Sayyid al-Abrar, Nukhbah al-Anzar ‘ala Tuhfah al-Akhyar, Zafar al-Amani bi Syarh Mukhtasar al-Sayyid al-Syarif al-Jurjani* (yang kesemuanya itu ditakhik oleh Syeikh ‘Abd al-Fattah Abu Ghuddah) dan sebagainya yang berjumlah 120 buah karya. Beliau telah meninggal dunia pada tahun 1304 H dalam usia yang agak muda, iaitu kira-kira 39 tahun. Lihat: ‘Abd al-Fattah Abu Ghuddah (1987), *Taqdimah al-Raf‘ wa al-Takmil fi al-Jarh wa al-Ta‘dil*, Halab : Maktab al-Matbu‘at al-Islamiyyah, c.3, h. 18-39. Lihat secara lengkapnya dalam : Waliy al-Din al-Nadwi (1995), *al-Imam ‘Abd al-Hayy al-Laknawi*, Dimasyq : Dar al-Qalam.

Laknawi terhadap sepuluh soalan yang dikemukakan oleh seorang alim kepadanya bernama Syeikh Muhammad Husayn al-Lahuri. Ianya berhubung dengan sanad dan kepentingannya dalam agama, beramal dengan hadith daif dalam bab *fada'il al-a'mal*, darjah hadith-hadith yang terdapat di dalam kitab-kitab *al-Sunan*, pandangan ulama tentang percanggahan antara hadith-hadith, pandangan ulama tentang riwayat seorang perawi apabila dia meninggalkan beramal dengan zahir riwayat tersebut, dan lain-lain? Jelasnya masalah-masalah yang dikemukakan ini merupakan isu-isu penting di dalam ilmu hadith yang dijawab oleh Imam al-Laknawi dengan penuh teliti dan mantap. Kitab ini pertama kali dicetak di al-Matba‘ al-Mustafa‘i, India pada tahun 1299H dalam himpunan *al-Rasa'il al-Sab'* pada masa hayat pengarangnya. Kemudian itu, dicetak di Matba‘ Syawkat Islam pada tahun 1310H. Adapun edisi yang ditahkik oleh Syeikh ‘Abd al-Fattah diterbitkan pertama kalinya pada tahun 1964 (1384H) di Halab.

28. al-‘Allamah Muhammad Syah al-Siddiqi al-Hanafi al-Hindi. Beliau telah menyusun kitab ‘Umdah al-Usul fi Hadith al-Rasul. Kitab ini disusun bagi menerangkan usul al-hadith menurut mazhab Hanafi. Perbahasannya diambil daripada kitab-kitab usul al-fiqh mazhab Hanafi seperti kitab *al-Tawdih*, *Musallam al-Thubut*, *Fawatih al-Rahamut* dan lain-lain.<sup>25</sup> Pengarang juga membuat syarah dan huraian lanjut terhadap kitab ini dengan diberi judul: *Nubdhah al-Wusul Syarh ‘Umdah al-Usul*. Kedua-dua kitab ini telah dicetak dalam satu jilid oleh al-Matba‘ al-Mujtaba‘i di India pada tahun 1297 H.

29. al-‘Allamah al-Muhaddith al-Faqih Syeikh Syabbir Ahmad al-‘Uthmani al-Hindi (w. 1369 H).<sup>26</sup> Beliau telah menyusun kitab *Mabadi’ Ilm al-Hadith*. Kitab ini asalnya adalah mukadimah yang ditulis oleh Syeikh Syabbir Ahmad al-‘Uthmani bagi kitab syarah besarnya yang berjudul *Fath al-Mulhim bi Syarh Sahih Muslim*. Ia membahaskan secara terperinci tentang ilmu hadis, di mana beliau telah menghimpunkan di dalam mukadimah yang setebal seratus halaman ini pelbagai aspek ilmu *usul al-hadith* yang dibahaskan dengan amat baik dan penuh teliti.<sup>27</sup> Melihat peri pentingnya mukadimah ini, Syeikh ‘Abd al-Fattah Abu Ghuddah telah menyelenggara dan menerbitkannya secara berasingan daripada kitab *Fath al-Mulhim* agar ia dapat dimanfaatkan secara lebih meluas oleh para pelajar dan ilmuwan.

30. al-‘Allamah Syeikh Muhammad ‘Amim al-Ihsan bin ‘Abd al-Mannan bin Nur al-Hafiz al-Barkati al-Sa‘di (w. selepas 1369 H). Beliau telah menyusun huraian ke atas *Muqaddimah fi Usul al-Hadith* oleh Syeikh ‘Abd al-Haq al-Dihlawi (w. 1052 H) yang

<sup>25</sup> ‘Abd al-Majid al-Turkamani. 2009. *Dirasat fi Usul al-Hadith ‘ala Manhaj al-Hanafiyyah*. Karachi, Pakistan: Madrasah al-Nu‘man, h. 87.

<sup>26</sup> Beliau adalah *syaykh al-hadith* di al-Jami‘ah al-Islamiyyah di Dabhil Surat, India dan kemudiannya pengetua di Dar al-‘Ulum di Deoband, India. Pada tahun 1947 (1366H) beliau telah berpindah ke Pakistan. Beliau telah menghasilkan banyak karya penting, khususnya di dalam bidang tafsir, ‘ulum al-Qur’an, hadith, fiqh dan juga komentar. Beliau telah pulang ke rahmatullah pada 21 Safar 1369 H bersamaan 13 Disember 1949 di Bahawalpur, Pakistan dan jenazahnya dikebumikan di Karachi. Lihat: Dar al-‘Ulum, Deoband, <http://www.darululoom-deoband.com/arabic/>, 9 November 2005.

<sup>27</sup> Muhammad Zahid al-Kawthari (1994), *Maqalat al-Kawthari*, Kaherah : al-Maktabah al-Azhariyyah, h. 175-177. Kitab *Fath al-Mulhim* ini terhenti sehingga Kitab al-Nikah, kemudian ia telah disempurnakan sehingga selesai oleh Syeikh Muhammad Taqiy al-‘Uthmani, guru Dar al-‘Ulum serta kadi Mahkamah Syar‘iyyah di Karachi, Pakistan.

diberi judul: *Ta'liqat al-Barkati*. Kemudian diringkaskan pula dengan judul: *Hawasyi al-Sa'di* yang telah dicetak oleh Matba'ah Sitarah Hind, Calcutta, India pada tahun 1357 H. Beliau juga menyusun kitab *Mizan al-Akhbar* yang mengandungi perbahasan ilmu hadis secara ringkas sebagai mukadimah kepada Kitab besar beliau: *Fiqh al-Sunan wa al-Athar*. Kitab *Mizan al-Akhbar* ini juga dicetak oleh Matba'ah Sitarah Hind, Calcutta. Kemudian beliau mensyarahkan kitab ini di dalam kitab lain dengan judul: *Tuhfah al-Akhbar*, yang dikatakan masih lagi tersimpan.<sup>28</sup>

31. al-'Allamah Syeikh Zafar Ahmad ibn Latif al-'Uthmani al-Tahanawi (w. 1394 H).<sup>29</sup> Beliau telah menyusun kitab *Qawa'id fi 'Ulum al-Hadith*. Kitab ini mengumpulkan banyak kaedah-kaedah dan perbahasan-perbahasan disiplin ilmu hadith yang jarang ditemukan di dalam kitab-kitab 'ulum al-hadith sebelumnya, yang dihimpunkan oleh pengarangnya daripada pelbagai kitab seperti kitab-kitab al-rijal, mustalah al-hadith, al-usul, kitab-kitab fiqh, takhrij hadith, syarah-syarah hadith, tarikh dan sebagainya. Kitab ini asalnya berjudul: *Inha' al-Sakan ila Man Yutali 'I'la' al-Sunan* yang merupakan mukadimah kepada kitab besar beliau berjudul: *I'la' al-Sunan*, sebuah kitab fiqh dalam mazhab Hanafi yang terdiri daripada 20 juzuk. Mukadimah ini telah diterbitkan bersama-sama kitab tersebut dan ia terdiri daripada dua buah juzuk, iaitu juzuk yang pertama berkaitan perbahasan 'ulum al-hadith, manakala juzuk yang kedua berkaitan perbahasan fiqh dan usul al-fiqh. Kitab ini pertama kali dicetak di India pada tahun 1930. Kemudian dicetak di Pakistan pada tahun 1964. Kemudian Syeikh 'Abd al-Fattah Abu Ghuddah mendapati perbahasan 'ulum al-hadith kitab ini mengandungi banyak perbahasan hadith yang tidak disebut di dalam kitab-kitab 'ulum al-hadith sebelumnya yang dihimpunkan oleh pengarangnya daripada pelbagai kitab.<sup>30</sup> Melihat kepada kepentingannya, Syeikh 'Abd al-Fattah telah mengasingkannya untuk ditakrif dan diterbitkan secara berasingan agar dapat ditatapi oleh para ulama dan para pelajar di negara Arab mahupun lain-lainnya. Judulnya kemudian ditukar oleh beliau dengan keizinan daripada pengarangnya

<sup>28</sup> Waliy al-Din al-Nadwi. 2009. *Juhud 'Ulama' al-Hind fi 'Ulum al-Hadith al-Syarif*. dalam majalah al-Ba'th al-Islami, Lucknow, India. edisi Mei 2009. h. 56-58.

<sup>29</sup> Beliau dilahirkan pada 13 Rabiul Awwal tahun 1310 H di Deoband. Antara guru-guru yang beliau pelajari ilmu daripada mereka ialah Syeikh Muhammad Yasin, pakciknya Hakim al-Ummah Mawlana Muhammad Asyraf 'Ali al-Tahanawi, Mawlana Muhammad 'Abd Allah al-Ganguhi, abangnya Mawlana Sa'id Ahmad, Mawlana Muhammad Ishaq al-Bardawani, Mawlana Muhammad Rasyid al-Kanpuri dan Mawlana Khalil Ahmad al-Saharanpuri dan lain-lain. Kariernya bermula sebagai seorang tenaga pengajar di Madrasah Mazahir al-'Ulum di Saharanpur. Kemudian beliau bertukar ke Madrasah Imdad al-'Ulum di Tahanah Bahwan. Setelah itu, beliau ke Dakka di Timur Pakistan (sebelum wujud nama Bangladesh) dan menyumbangkan tenaganya mengajar di sana selama 8 tahun. Beliau juga mengasaskan di sana al-Jami'ah al-Qur'aniyyah al-'Arabiyyah. Kemudian beliau telah berpindah pula ke Barat Pakistan (Pakistan sekarang) di Asyraf Abad dan mengajar di Dar al-'Ulum al-Islamiyyah. Antara karya-karyanya ialah kitab *I'la' al-Sunan*, yang dikarangnya selama hampir 20 tahun, berserta mukadimahnya *Inha' al-Sakan ila Man Yutali 'I'la' al-Sunan, Inja' al-Watan 'an al-Izdira' bi Imam al-Zaman, Dala'il al-Qur'an 'ala Masa'il al-Nu'man, Kasyf al-Duja 'an Wajh al-Riba* dan *al-Fatawa al-Imdadiyyah*, serta kitab-kitab berbahasa Urdu seperti *al-Qawl al-Matin fi al-Ikhfa'* bi Amin, *Syaq al-Ghayn 'an Haq Raf'* al-Yadayn, *Rahmah al-Quddus fi Tarjamah Bahjah al-Nufus* dan *Fatihah al-Kalam fi al-Qira'ah Khalf al-Imam*. Beliau telah meninggal dunia pada tahun 1394 H. Lihat: Zafar Ahmad al-Tahanawi (1996), *Qawa'id fi 'Ulum al-Hadith*, Kaherah : Dar al-Salam, c. 6, h. 8-10.

<sup>30</sup> Zafar Ahmad al-Tahanawi (1996), *ibid.*, h. 2-5.

kepada *Qawa'id fi 'Ulum al-Hadith* kerana kesesuaian dengan maksud isi kandungannya.<sup>31</sup> Ia telah dicetak di Beirut, Lubnan pada tahun 1972 (1392H).

Demikian adalah antara tokoh-tokoh penting mazhab Hanafi yang ada mengarang dalam disiplin '*Ulum al-Hadith*'. Dengan tidak menafikan bahawa di sana masih ada pengarang-pengarang lain yang turut memberi sumbangan dalam disiplin ini jika diteliti lagi dengan lebih lanjut. Ada juga di antara kitab-kitab karangan mereka yang hanya diketahui nama atau judulnya sahaja serta tidak diketahui keberadaannya kini sama ada telah hilang atau sebagainya. Kebanyakan kitab-kitab yang dikarang kemudian banyak menukarkan daripada kitab-kitab yang telah dinyatakan.

### **3. ANALISIS TERHADAP AKTIVITI PEMBUKUAN ‘ULUM AL-HADITH OLEH ULAMA HANAFI**

Sebagaimana sedia diketahui, ilmu ‘ulum al-hadith mencapai tahap kematangannya dalam kurun ke-7 Hijrah di tangan Ibn al-Salah (w. 643 H) yang terkenal sebagai pembaharu ‘ulum al-hadith dengan kitabnya yang berjudul *Ma'rifah Anwa' 'Ilm al-Hadith* atau disebut sebagai '*Ulum al-Hadith*' atau juga masyhur sebagai *Muqaddimah Ibn al-Salah*. Ia merupakan sebuah karya yang lengkap berkaitan ‘ulum al-hadith jika dibandingkan dengan karya-karya ulama sebelumnya. Beliau telah menyenaraikan sebanyak 65 jenis ilmu hadith di dalamnya. Namun, fakta ini bukan bermakna para ulama sebelumnya tidak mengetahui dan menguasai disiplin tersebut. Bahkan, hakikatnya mereka menguasai dan mahir dengannya, terutama yang berhubung kait dengan aspek pendalilan dan istinbat hukum. Disiplin ‘ulum al-hadith yang berkait dengan pendalilan dan istinbat sebenarnya sudah terangkum di dalam kitab-kitab usul al-fiqh, khususnya di dalam bab *al-sunnah*. Kerana itu dalam senarai sumbangan ulama Hanafi terhadap ‘ulum al-hadith di atas, tidak dilihat kitab-kitab mengenainya yang dihasilkan secara lengkap sesudah kitab *al-Hujaj al-Saghir* oleh Imam ‘Isa bin Aban (w. 221 H) sehingga muncul kitab *al-Muntakhab fi 'Ulum al-Hadith* oleh al-Hafiz ‘Ala’ al-Din Ibn al-Turkamani al-Maridini (w. 750 H).

Menurut pengamatan pengkaji, para ulama Hanafi dalam tempoh tersebut lebih tertumpu kepada kitab-kitab usul al-fiqh yang lebih memainkan peranan penting dalam aspek pendalilan dan istinbat hukum. Antara tokoh-tokoh pengarangnya ialah;

1. Imam Abu Bakr al-Jassas (w. 370 H) dengan kitab beliau berjudul: *al-Fusul fi al-Usul*.
2. Imam Abu Zayd al-Dabusi (w. 430 H) dengan kitab beliau berjudul: *Taqwim al-Adillah*.
3. Imam al-Bazdawi (w. 482 H) dengan kitab beliau berjudul: *Kanz al-Wusul ila Ma'rifah al-Usul*.
4. Imam Abu Bakr al-Sarakhsyi (w. 483 H) dengan kitab beliau berjudul: *al-Usul*.
5. Imam ‘Ala’ al-Din al-Samarqandi (w. 539 H) dengan kitab beliau berjudul: *Mizan al-Usul*.
6. Imam ‘Ala’ al-Din Abu al-Fath al-Usmandi (w. 552 H) dengan kitab beliau berjudul: *Badhl al-Nazar*.

---

<sup>31</sup> *Ibid.*, h. 5.

7. Imam Hussam al-Din al-Akhsikati (w. 644 H) dengan kitab beliau berjudul: *Tashil al-Hussami*.
8. Imam Ibn al-Sa‘ati (w. 694 H) dengan kitab beliau berjudul: *Badi‘ al-Nizam*.

Seterusnya dalam kurun ke-8 Hijrah, memperlihatkan kepada kita kebangkitan lebih ramai ulama yang memberi penumpuan terhadap disiplin hadis, seperti Ibn Daqiq al-‘Id, al-Zayla‘i, Ibn Taymiyyah, Ibn al-Qayyim, al-Mizzi, al-Dhahabi, Ibn Kathir, al-Subki, al-‘Iraqi, al-Haythami, dan lain-lain. Termasuklah ulama Hanafi seperti al-Hafiz Ibn al-Turkamani, al-Hafiz Mughlatay dan lain-lain yang dilihat mula menyusun kitab khusus bagi disiplin ‘ulum al-hadith di dalam kurun ini dan juga seterusnya. Bagaimanapun, kebanyakan kitab lebih tertumpu dan berkisar pada kitab *al-Muqaddimah* oleh Imam Ibn al-Salah (w. 643 H), kitab *Nukhbah al-Fikar* serta syarahnya *Nuzhah al-Nazar Syarh Nukhbah al-Fikar* yang kedua-duanya oleh al-Hafiz Ibn Hajar al-‘Asqalani (w. 852 H), serta karya-karya yang ada hubung kait dengan kedua-duanya, sedang kedua-dua tokoh berkenaan adalah bermazhab Syafii. Justeru, tidak hairan ramai ulama Syafii yang memberi tumpuan terhadap kitab mereka, seperti al-Nawawi, al-Dimyati, Ibn Jama‘ah, al-Tibi, Ibn Kathir, al-Zarkasyi, Ibn al-Mulaqqin, al-Bulqini, al-‘Iraqi, al-Sakhawi, al-Suyuti dan lain-lain.

Berdasarkan pengamatan, banyak daripada karya-karya ‘ulum al-hadith susunan ulama Hanafi yang disenaraikan kurang biasa didengari kerana mungkin kurang tersebar luas atau kurang masyhur, meskipun ia barangkali masyhur di zamannya atau masyhur di wilayahnya sahaja. Misalnya, madrasah-madrasah agama di benua India yang kebanyakannya bermazhab Hanafi, selain menggunakan kitab *Muqaddimah fi Usul al-Hadith* oleh Syeikh ‘Abd al-Haq ad-Dihlawi (w. 1052 H), mereka tetap menggunakan kitab *Syarh Nukhbah al-Fikar* susunan al-Hafiz Ibn Hajar sebagai buku teks penting bagi para pelajar dan bukannya mana-mana kitab lain susunan ulama Hanafi yang telah dipaparkan.<sup>32</sup> Justeru, kita lihat dalam kurun ke-14 Hijrah menyaksikan kebangkitan ulama Hanafi dalam membuat redaksi terhadap ‘ulum al-hadith yang cuba tidak terikat dengan bayangan kitab Ibn al-Salah dan al-Hafiz Ibn Hajar. Usaha mereka wajar dipuji dan ia masih berterusan sehingga kini dalam memasak dan mengukuhkan pegangan mazhab mereka yang bertepatan dengan landasan al-Quran dan sunnah.

#### **4. KESIMPULAN**

Berdasarkan realiti semasa, kebanyakan karya-karya ‘ulum al-hadith yang masyhur dihasilkan oleh ulama mazhab Syafi‘i seperti al-Hakim, al-Khatib al-Baghadi, Ibn al-Salah, al-Nawawi, al-‘Iraqi, Ibn Hajar, al-Suyuti, al-Sakhawi dan lain-lain dan sangat sedikit karya ‘ulum al-hadith masyhur yang dihasilkan oleh ulama mazhab Hanafi. Sedangkan hakikatnya, mereka juga tidak kurang hebatnya dalam menghasilkan karya-karya ‘ulum al-hadith. Perbahasan ‘ulum al-hadith yang terdapat dalam karya-karya usul al-fiqh mereka juga tidak wajar diabaikan dalam membicarakan topik ini. Secara teori, ia mempunyai pertalian dan pengaruh yang kuat di dalam penyusunan ‘ulum al-hadith di

---

<sup>32</sup> Lihat pernyataan Syeikh Salman al-Husayni al-Nadwi dalam mukadimah kitab: ‘Abd al-Haq bin Sayf al-Din ad-Dihlawi, 1986. *Muqaddimah fi Usul al-Hadith*. Tahkik: Salman al-Husayni al-Nadwi. Cet. 2. Beirut: Dar al-Basya‘ir al-Islamiyyah, h. 6.

sisi ulama Hanafi. Namun, aspek ini amat sedikit diketengahkan dan ditonjolkan. Kemungkinan faktor ini yang mendorong ulama-ulama mazhab Hanafi di kalangan mutaakhirin kemudiannya berusaha untuk membukukan ‘ulum al-hadith yang lebih dapat mengetengahkan dan menonjolkan beberapa aspek ilmu hadis mereka yang berbeza dengan pandangan mazhab lain.